



05 JUN, 2026

TNB capai kapasiti RE sebanyak 4.3GW tahun lalu



Utusan Malaysia, Malaysia

TNB capai kapasiti RE sebanyak 4.3GW tahun lalu

KUALA LUMPUR: Tenaga Nasional Berhad (TNB) berjaya mencapai kapasiti tenaga boleh diperbaharui (RE) terpasang sebanyak 4.3 gigawatt (GW) tahun lalu, menyumbang lebih satu pertiga daripada jumlah kapasiti tenaga boleh diperbaharui negara.

Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid berkata, pelaburan berskala besar itu bertujuan memodenkan grid nasional, menaik taraf infrastruktur serta mempercepatkan peralihan kepada sistem tenaga bersih.

“Penaiktarafan ini juga termasuk memperluas kemudahan sambungan grid untuk menyokong permintaan yang semakin meningkat daripada pusat data.

“Kami amat berterima kasih kepada kerajaan dan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air katas komitmen pelaburan RM43 bilion di bawah Tempoh Kawal Selia Keempat (RP4) untuk memodenkan grid negara,” katanya pada pelancaran Persidangan Peralihan Tenaga 2026 (ETCon26) di sini semalam.

Menurut beliau, TNB terus memperkukuh agenda peralihan tenaga negara menerusi pelaksanaan Pelan Peralihan Tenaga yang memberi tumpuan kepada pemacu utama bagi



ABDUL Razak menyampaikan ucapan pada pelancaran Persidangan Peralihan Tenaga 2026 (ETCon26) di Kuala Lumpur semalam.

mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil dan meningkatkan penggunaan sumber tenaga hijau.

Ujarnya, di peringkat serantau, TNB terus memainkan peranan penting dalam inisiatif Grid Kuasa ASEAN.

“Projek Integrasi Kuasa Laos-Thailand-Malaysia-Singapura (LTMS-PIP) berjaya mengandakan kapasiti dagangan tenaga rentas sempadan daripada 100 megawatt (MW) kepada 200MW tahun ini.

“Selain itu, syarikat itu turut

terlibat dalam usaha memperluas kesalinghubungan tenaga menerusi projek Vietnam-Malaysia-Singapura, cadangan sambungan kedua Malaysia-Singapura serta interkoneksi Sarawak-Semenanjung Malaysia,” katanya.

Abdul Razak berkata, dalam aspek pembangunan modal insan, Program Literasi Tenaga Malaysia (MELP) yang dilancarkan pada 2023 kini berkembang menjadi agenda nasional dan modul pembelajaran penting di institusi pengajian tinggi.